




Bersyukur Saat Diuji

Muhd Kamil Ibrahim

[Download now](#)

[Read Online](#) ➔

Bersyukur Saat Diuji

Muhd Kamil Ibrahim

Bersyukur Saat Diuji Muhd Kamil Ibrahim

Bersyukur Saat Diuji Details

Date : Published 2012 by Galeri Ilmu Sdn Bhd

ISBN :

Author : Muhd Kamil Ibrahim

Format : Mass Market Paperback 190 pages

Genre : Religion, Islam, Travel, Travelogue, Nonfiction

 [Download Bersyukur Saat Diuji ...pdf](#)

 [Read Online Bersyukur Saat Diuji ...pdf](#)

Download and Read Free Online Bersyukur Saat Diuji Muhd Kamil Ibrahim

From Reader Review Bersyukur Saat Diuji for online ebook

Ms.Caeer says

Sebuah buku yang penuh pengisian, yang digerakkan hati oleh Allah untuk dibeli dan dibaca di saat Malaysia diuji dgn kehilangan MH370, di saat diri sedang mencari erti sesuatu. setiap helaian menggetarkan jiwa, setiap bait perkataan terkesan di hati.

Buku pertama hasil penulisan MKI yang saya baca, buku pertama seumpunya yang berjaya saya habiskan dari kulit ke kulit dlm masa kurang drp 8 jam.

Penulis melihat sesuatu yang berlaku ke atas diri dan keluarga dari sudut dan perspektif yang berbeza dari kebanyakan kita. ia mengajar kita akan sesuatu yg kita sudah sedia maklum tetapi jarang dipraktikkan iaitu sentiasa bersangka baik kepada Allah. Setiap apa yang kita lalui sama ada baik atau buruk adalah ujian daripada Allah untuk menguji hati dan keimanan kita.

bersyukurlah sewaktu diuji kerana ia petunjuk bahawa Allah menyayangi kita..

Dya Ored Dalia says

Ia mudah. dan menyentuh hati. Cara penyampaian yang mudah.. terus ke hati. Saat kita diuji sering kali merasakan Allah itu tidak adil. Namun buku ini membuka mata..untuk melihat konteks ujian dr Allah adalah lebih dari sekadar menguji. Ia adalah anugerah nikmat dr Allah dalam cara yang berbeza. Kini saya cuba lihat dunia bukan sekadar mata kasar. melihat dengan mata hati. buku ini memudahkan saya memahami ujian Allah dan belajar meredhai segala kurniaanNya.

Cikgu Wana says

Buku ini hebat. Betapa, ujian bukanlah tertumpu kepada kesedihan, kesakitan dan kehilangan tetapi ujian merangkumi semua perkara termasuk perkara-perkara mengujakan seperti kemewahan, kekayaan, pujian dan kejayaan.

Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas segala-galanya.

Syarifah Alaydrus says

alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT saya dapat membaca buku ini, buku bersyukur saat diuji banyak memberi saya keinsafan serta motivasi untuk bersabar atas ujian yang Allah SWT bagi dan saya percaya dibalik ujian ini ada hikmah kebahagiaan yang sedang menanti.

Norziati says

Berapa ramaikah di antara kita yang bersyukur ketika dalam keadaan gembira? Berapa ramai pula mengucapkan syukur ketika menerima ujian? Prof Muhd Kamil Ibrahim dalam bukunya yang berjudul *Bersyukur Saat Diuji* bercerita tentang hakikat kesyukuran yang perlu kita insafi bukan sahaja pada waktu senang dan gembira tetapi juga waktu susah. Buku ini terhasil dari pengalaman yang dilalui ketika dilanda banjir besar pada 2011 di Segamat. Kejadian itu memusnahkan harta benda, kereta, rumah, pakaian, buku dan perabot di rumahnya di Segamat.

Pelbagai perkara yang dilihat dan dialami sewaktu berhadapan dengan banjir, membersihkan rumah dan berada dalam lingkungan mangsa banjir segera mengingatkannya akan nikmat yang Tuhan sampaikan pada waktu susah. Perkara penting yang diceritakan ialah tentang hakikat dan kuasa doa. Ketika berpeluang mengajar di Makkah, beliau berkesempatan mengerjakan umrah beberapa kali. Kemudian beliau menerima doa-doa yang dikirimkan oleh kenalan menerusi FB dan blog yang menurutnya 'kalau dikumpulkan, agak saya berpuluh-puluh lembaran kertas kajang yang meminta saya berdoa di Madinah terutamanya secara spesifik di Raudah, Masjid Nabawi.."

Mungkin beliau sini dalam hal ini tetapi Prof Kamil mengingatkan bahawa, 'doa ibu bapa paling mustajab. Anak kita, harapan kita, hati kita, biarlah kita yang berdoa bersungguh-sungguh buat mereka'. Maksud tersirat yang ingin beliau katakan ialah doa sendirilah yang paling hebat kerana kita sendiri yang meminta, bukan menerusi perantara. Malah yang paling hebat ialah ujian yang akan kita lalui untuk menjadi anak soleh. Selepas ibu bapa meninggal, ujian kehidupan berpindah kepada anak-anak untuk menentukan ibu bapa mendapat hubungan dari anaknya iaitu doa anak yang soleh. Adakah kita selalu mendoakan mereka?

??? says

I once had quoted " The worst part about happiness is its temporary and the worst part of sadness is it's also temporary."

Whatever it is,being grateful and contemplate in every situation will help us from bringing ourselves down but see a promising future that we might just have to wait and look forward to. As this book have emphasized from the Quran surah Al Insyirah, it says,

" Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap tiap kesukaran disertai kemudahan, (sekali lagi ditegaskan), Sesungguhnya tiap tiap kesukaran disertai kemudahan."

True to those words. This book gives an insight of the writer's life, his views and perspective on how he sees in the incidents after incidents of his walks of life. A great book and a must have. A heartfelt stories that we need to absorb. A tear jerking moment for those who can feel the message that the author is trying to reach out :)Again a recommended must read book.

Norhafisah Zakaria says

Buku prof Kamil yang pertama saya baca.Sangat terkesan dihati.Melalui buku ini saya terus mencari siapa penulis yang hebat ini.Sehinggalah saya menemui UMKI,sebuah universiti alam maya yang sangat ringkas tapi signifikan.Penulisan yang santai dan segala isi buku ini masuk dalam hati.Allahukbar.
Bacalah anda pasti takkan rugi.Selami rasa bersyukur walaupun ketika diuji...5 bintang untuk buku ini

Fariza Nurbaya says

Ya, kekayaan, kecantikan, kejayaan, pangkat sebenarnya merupakan ujian kepada kita. Orang selalu melihat ujian hanyalah yang berbentuk musibah, kecelakaan, kesakitan dan keduakaan sedangkan ujian Allah kepada kita datang dalam pelbagai bentuk. Dikurniakan anak-anak yang pandai dan berjaya dalam pelajaran juga akan menjadi ujian kepada kita. Lalu, kita memandang rendah kepada anak-anak orang lain, wujud sifat angkuh, sombong, ujub dalam diri. Nauzubillah. Semoga buku ini mendidik hati dan jiwa kita agar lebih bersyukur dan berlapang dada. Moga kita dapat menerima hidup ini seadanya.

Azmir Ismail says

Peminat tulisan Prof Kamil harus membaca buku ini kerana ia adalah kumpulan-kumpulan tulisan beliau sebelum ke Madinah. You will learn a few things from his writings. Apa dia? Setiap bacaan ada persepsi sendiri. :)

Erin95 says

First book that I give 5/5 stars ♥

Buku ni mengisarkan perjalanan hidup pengarang sendiri. Ujian demi ujian yang kadangkala buat kita jatuh terngadah, tapi tanpa kita sedar ujian itu sedang mengasah kita untuk menjadi manusia yang lebih kuat dan sabar ?

Terlampau banyak pengajaran dalam cerita ni yang boleh saya ambil iktibar. Buku ni sangat dekat dengan diri saya bila mana diri ini juga sedang dilanda ujian yang pada diri ini amatlah besar, rupanya ada lagi yang diuji dengan lebih hebat dari saya.

Saya terpanggil untuk mengulang cerita pengarang iaitu Muhd Kamil Ibrahim (MKI) yang pada satu ketika beliau dilanda masalah apabila beliau difitnah sehingga menyebabkan kerjanya terganggu. Dalam perjalanan menyelesaikan masalah itu, beliau tak henti² membaca doa Nabi Yunus ketika Baginda terperangkap dalam perut ikan. Dan sesungguhnya Allah itu Maha Melihat dan Maha Mengetahui kebenarannya. Maka MKI pun terlepas dari ujian ini. Otwa balik tu dia rasa happy sgt, sampai dah tiada doa atau zikir meniti dibibirnya. Allahu Rabbi beliau rasa diperli oleh Allah apabila beliau hanya berdoa ketika susah/ketika menghajatkan sesuatu sahaja. Cepat² beliau beristighfar.

Allahurabbi cerita ini sangat dekat dengan diri saya. Bila sedih di mana kita? Di sisi Allah. Manakala, bila gembira kita lupa siapa yang menukarkan sedih kepada gembira. Allah aku mohon pengampunan dariMu ?

Penggunaan bahasa, semuanya disusun satu persatu dengan baik dan teratur. Bahasanya mudah difahami. Setiap ayat Al-Quran yang diselitkan amat bersesuaian dengan isi yang dikupas pada ketika itu. Di akhir setiap tajuk di tuliskan doa yang apabila kita membacanya kita turut berdoa sekali untuk diri kita.

Allahuakbar benarlah kata dedikasi yang saya baca di awal buku ini bahawa kata-kata yang datang dari hati akan juga masuk ke hati. Allah bagi MKI kelebihan untuk sentuh hati kita. Allahu moga² dipermudahkan urusan MKI sekeluarga dan umat islam sedunia. In shaa Allah.

Jika kamu dilanda kesedihan maka berdoalah dan bacalah Kalam Allah Al-Quran, kerana tidak ada hati yang tidak tenang apabila mendengar Kalam Allah ♥

Ririn says

Agak lama masa yang saya ambil untuk menghabiskan buku ni. Mana taknya, setiap kali baca, air mata berderu-deru keluar, jadi kena la pandai untuk mengatur masa membacanya (terpaksa mengelak membawa ke pejabat dan juga dari pandangan yang lain). Semoga air mata tersebut dapat menyucikan sedikit sebanyak hati saya, dan bukannya menjadi sia-sia.

Benarlah, apa yang datang dari hati akan sampai juga ke hati. Prof. Muhd Kamil menceritakan pengalamannya, apa yang beliau sendiri alami. Bukan secara mengajar siapa yang lebih baik dan tinggi ilmunya. Tapi pengalaman dan apa yang beliau rasai, semoga dapat dikongsi bersama dengan orang lain.

Betapa beratnya ujian terhadap manusia. Kita selalunya tidak sedar, apa yang kita anggap remeh itulah sebenarnya yang paling payah untuk kita buat. Bukan mudah untuk berubah menjadi lebih baik. Cabarannya lebih sukar bila kita berada di kalangan kita yang telah merasakan kita adalah golongan baik hanya dengan melakukan beberapa amalan. Banyak perkara dianggap remeh, tidak perlu, tidak moden kerana kebiasaan kita yang meremehkannya.

Ujian bukan hanya kesedihan. Kegembiraan juga adalah satu ujian. Kemiskinan adalah ujian, tetapi kekayaan juga satu ujian yang mungkin lebih berat. **Seluruh kehidupan dunia merupakan ujian; suka dan duka yang diberikan oleh Allah untuk menentukan sama ada kita termasuk dalam golongan beriman ataupun pendusta.**

Ya Allah, aku mohon kepadamu, supaya tidak ditarik balik hidayah yang telah Engkau kurniakan ini. Semoga kami dapat bersama-sama menjadi hamba yang lebih baik dan dapat bersama di syurgaMu kelak. Amin.

Mahfuzah Abdul says

sepanjang pembacaan several times jugak air mata tumpah. bukan sedih tapi sampai zuuq ke dalam jiwa cerita yg cuba dikongsi dan kadang2 pernah mengalami ujian yang sama/perasaan yg sama seperti yg prof kamil ceritakan.

bagus untuk mendidik hati dan jiwa supaya sentiasa beringat Allah datangkan ujian bukan utk sekadar main2 tetapi ada benda yang lebih baik dan lebih besar Allah sediakan dan ujian iti adalah sebagai persiapan utk kita hadapi benda yang lagi banyak cabarannya.

Aszifa Aris says

Maaf para pembaca kerana review ini sedikit panjang. :)

Terima kasih Prof. Semoga Prof sentiasa dilindungi Allah atas kisah peribadi yang sering dikongsi. Semoga para pembaca sekalian seringkali berlapang dada malah berbaik sangka takkala membaca kisah peribadi dalam memburu iman.

Hati yang baik akan cuba melihat kebaikan. Hati yang tidak baik, akan sentiasa mempermainkan sebuah perkongsian untuk mencari lemah kelemahannya orang lain. Ia nasihat buat diri sendiri. Semoga kita dilindungiNya.

Hidup saya, sering sy tafsirkan sebagai sebuah ujian. Segala derita yang menikam jiwa dan emosi sedari kecil, dijalani atas dasar ujian. Perlu teruskan langkah kerana hidup adalah ujian.

Namun prof sudah menyentuh sisi 'ujian' yang sy kurang nampak ia sebagai ujian.

m/s 23 - perenggan dua sebelum akhir. "Siapakah yang sebenarnya diuji?"- Bacaan pada bab ini beserta baris kata ini sangat mengoncang hati saya tentang erti ujian besar yang sebenarnya, membuat saya lebih pantas menyelak helaian-helaian sambil berderainya air mata.

Mungkin ramai dari kita, sama seperti saya, yang menafsirkan ujian sebagai satu bebanan yang turun pada jiwa, sesuatu yang membuat kita sedih dah rasa berat memikul suatu perasaan. Namun kita sebenarnya lupa, ujian yang sebesar-besarnya adalah apabila KITA DIUJI DENGAN TIDAK DAPAT MELAKSANAKAN KETAATAN PADANYA.

m/s 66 :

Seorang pembaca blog menulis "Saya seorang kontraktor dan ujian yang paling besar ialah kerana tidak berjaya memenangi kontrak perniagaan. Kemudian, saya jatuh muflis." Ia sangat logik untuk berasa dukacita dan memikirkan Allah mahu menguji beliau. Ia langsung tidak luar biasa."

Ia menjadi luar biasa jika seorang kontraktor lain berkata, "Ujian terbesar pernah saya hadapi ialah memenangi kontrak perniagaan berjuta ringgit. Saya memberi rasuah, saya terlupa membayar zakat, masa solat saya terbatas, saya sukar berjemaah dan" Allahu Akbar, itu juga suatu ujian. Dan ujian ini lebih parah kerana ramai yang tidak menyedarinya.

Sungguh saya pernah berada di landasan perjalanan "ujian yang tidak saya sedari itu" namun atas Rahmat dan PertolonganNya, hidup saya didorongkan kepada jalan-jalan ketaatan yang dipermudahkan.

Apa erti ujian bagimu? Sungguh dalam baris kata ini, untuk saya alami sendiri.

Saadah87 says

buku ni sangat best. memotivasikan kite. selama ni kite ingat ujian allah hnyalah waktu kite berduka. padahal kesenangan,kekayaan juga merupakan ujian dr allah. ini yg kite terlepas pandang. allah mahu menguji kite kite igt ke tak allah walaupun ketika senang dan ketika susah. alhamdulillah kerana dpt baca buku ni sampai habis.

Hidayah Bani says

Apa itu ujian?

Saat suka, saat berduka...kedua-duanya adalah ujian. Pendek kata kehidupan ini adalah ujian.

Namun, apabila kita renung kembali apakah ujian paling hebat yang pernah kita hadapi, mungkin kita akan lebih cenderung mengatakan ujian ini berbentuk kehilangan, kemiskinan, kematian, kesedihan....

Kita mungkin terlepas pandang yang kenikmatan dunia ini juga adalah ujian. Nikmat tidur..ujian untuk bangun solat subuh pada waktunya. Nikmat mempunyai set home teater, ujian untuk menunaikan solat di awal waktu. Nikmat mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, ujian untuk sentiasa rendah diri. Nikmat harta benda, ujian untuk membayar zakat.

Ataupun, apa yang disenaraikan di atas sebagai nikmat adalah ujian juga?

Manusia sentiasa diuji. Tiada siapa yang tidak pernah diuji. Masih belum diuji dengan kesedihan, kematian, kehilangan...mungkin juga kita sering diuji dengan sukarnya untuk bangun solat subuh.
